

27 AUG 2002

Mahathir-Bendera

BAKAR BENDERA BUKAN CERMIN SIKAP K'JAAN INDONESIA, KATA DR M

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak akan membuat sebarang bantahan kepada kerajaan Indonesia berikutan tindakan sekumpulan kecil rakyatnya membakar bendera Jalur Gemilang di luar Kedutaan Malaysia di Jakarta semalam.

Beliau berkata Malaysia tidak akan bertindak balas terhadap perbuatan itu kerana ia bukanlah tindakan atau perbuatan kerajaan Indonesia.

Katanya kejadian itu tidak mencerminkan sikap kerajaan Indonesia dan sebaliknya ia dilakukan oleh satu kumpulan rakyat yang ekstrem.

"Penduduk Indonesia berjumlah 220 juta orang dan daripada jumlah itu, sudah tentu ada sebilangan kecil yang tidak bertanggungjawab dan kita tidak boleh respons kepada mereka. Ini bukan perbuatan kerajaan Indonesia," katanya pada persidangan media selepas berucap pada jamuan tengah hari sempena sambutan ulangtahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan sekumpulan 50 orang penunjuk perasaan membakar Jalur Gemilang semalam sebagai membantah dasar baru Kuala Lumpur yang mengenakan hukuman sebat terhadap pendatang tanpa izin di negara ini.

Menurut laporan akhbar, para penunjuk perasaan itu melaungkan kata-kata "Jatuhkan Kerajaan Malaysia" manakala segelintir yang lain pula bertindak membakar bendera negara.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang mempunyai undang-undang yang ketat kerana negara lain pun berbuat yang serupa dan ini tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk mereka berbuat demikian.

Beliau juga mengulangi saranan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar supaya rakyat negara ini tidak berkunjung ke Indonesia buat sementara waktu demi menjamin keselamatan mereka.

"Menteri Luar sudah nasihat waktu ini tak payahlah pergi ke sana," katanya.

Mengenai taraf penduduk tetap (PR) yang diberikan kepada warganegara asing yang menetap di negara ini, beliau berkata status itu boleh dibatalkan pada bila-bila masa jika mereka didapati melakukan kesalahan jenayah yang serius.

Dr Mahathir berkata status itu bukanlah sesuatu yang kekal.

Di SHAH ALAM, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata perbuatan atau respons oleh mana-mana pihak di Indonesia yang akan mengapi-apikan sentimen anti-Malaysia tidak harus berulang.

"Kita berharap perkara ini akan berlalu dan tidak ada lagi respons yang tidak wajar oleh mana-mana pihak di Indonesia...jika ia berlaku, kemasukan pelawat ke Indonesia akan terjejas dan tentu sekali mereka tidak mahu keadaan seperti itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan bangunan pejabat dan kilang Pesaka Astana Sdn Bhd di sini.

Dalam perkembangan lain, Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata pandangan pemimpin-pemimpin Umno di Pulau Pinang mengenai keadaan orang Melayu negeri itu yang ketinggalan, perlu diberi perhatian.

"Masalah orang Melayu di Pulau Pinang dah lama disuarakan. Tetapi nampaknya ada pemimpin Umno masih tak puashati dengan tahap pencapaian orang Melayu di sana.

"Kita berharap kerajaan Pulau Pinang mengambil teguran ini secara

positif dan bukan satu yang negatif selain mewujudkan dan mengenalpasti cara membina yang boleh meningkatkan lagi tahap orang Melayu di Pulau Pinang," katanya semasa diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan yang mengatakan orang Melayu di Pulau Pinang masih ketinggalan dari segi pembangunan berbanding orang Cina.

-- BERNAMA

SHS MOZ